



**PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 17/2021**

**PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)  
DI NEGERI KELANTAN BERMULA 16 APRIL 2021**

1. Pekeling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di tujuh (7) Jajahan Negeri Kelantan bermula 16 April seperti berikut;
  - i. Kota Bharu
  - ii. Pasir Mas
  - iii. Pasir Puteh
  - iv. Bachok
  - v. Machang
  - vi. Tumpat
  - vii. Tanah Merah
2. Pekeling ini adalah selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan pada 14 April 2021.
3. Pengoperasian UMK sepanjang tempoh PKP adalah secara penggiliran kerja dan bekerja dari rumah (WFH). Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) perlu menyusun jadual penggiliran kerja bagi semua staf di bawah seliaan masing-masing dengan ketetapan keberadaan staf di pejabat adalah pada kadar maksimum 30% pada satu-satu masa. Walau bagaimanapun, staf yang dikategorikan di bawah perkhidmatan perlu (essential services) hendaklah hadir bertugas seperti biasa mengikut arahan yang dikeluarkan oleh Ketua PTJ masing-masing. Bagi pelaksanaan WFH, warga UMK boleh merujuk kepada Garis Panduan Bekerja Dari Rumah (Kemaskini 12 Januari 2021) yang boleh didapati melalui Portal eCommunity (*Files Library >> Skim/ Garis Panduan*).
4. Pelaksanaan mesyuarat secara bersemuka adalah dibenarkan dengan mengambil kira 50% kapasiti bilik mesyuarat tanpa melibatkan kehadiran wakil agensi luar.
5. Semua program dan majlis rasmi universiti yang melibatkan perhimpunan dan aktiviti berkumpul adalah tidak dibenarkan.

6. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi arahan dan prosedur operasi standard (SOP) yang dikeluarkan oleh Universiti dan Kerajaan serta sentiasa mengamalkan norma baharu. Warga UMK juga perlu sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.
7. Pengurusan UMK juga menyeru semua agar mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan warga UMK dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 16 April 2021 dan terpakai juga di UMK Kampus Jeli.

Sekian, terima kasih.

**"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT"**

**"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**MAZULA BINTI SABUDIN**

Pendaftar

15 APRIL 2021

- s.k. - YBhg. Dato' Naib Canselor  
- Timbalan-Timbalan Naib Canselor  
- Semua Ketua Pusat Tanggungjawab